



KENYATAAN MEDIA

UPM universiti pertama negara perolehi akreditasi AACSB

SERDANG, 30 Julai - Universiti Putra Malaysia (UPM) merupakan universiti pertama dalam Malaysia yang berjaya memperolehi akreditasi dalam bidang perniagaan daripada AACSB untuk Fakulti Ekonomi dan Pengurusan dan Putra Business School (dulu dikenali sebagai Graduate School of Management atau GSM).

Kejayaan UPM dan tujuh universiti antarabangsa yang lain itu diumumkan oleh Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif AACSB International, John J. Fernandes di Tampa, Florida melalui laman www.aacsb.edu baru-baru ini.

Universiti antarabangsa yang lain yang baharu mendapat pengiktirafan AACSB itu ialah The University of Texas at Brownsville (US-TX), Chonnam National University (South Korea), Dongguk University (South Korea), Istanbul University (Turkey), Peking University (China), Providence College (US-RI), and West Texas A&M University (US-TX).

AACSB melalui *Peer Review Team* (PRT) telah mengaudit UPM pada 27 hingga 30 Mei 2012.

AACSB International atau *Association to Advance Collegiate Schools of Business* yang ditubuhkan pada 1916 adalah badan akreditasi antarabangsa yang tertua untuk sekolah perniagaan di universiti yang menawarkan program sarjana muda, sarjana dan ijazah doktor falsafah dalam bidang perniagaan dan perakaunan.

John berkata Akreditasi AACSB merupakan pencapaian tertinggi bagi sebuah institusi pendidikan yang menawarkan ijazah perniagaan.

Akreditasi AACSB adalah ciri kecemerlangan dalam pendidikan perniagaan yang hanya diperolehi oleh kurang lima peratus daripada program perniagaan di dunia. Pada masa kini, terdapat 655 sekolah perniagaan di 44 buah negara yang mengekalkan Akreditasi AACSB.

Universiti Putra Malaysia juga merupakan universiti ke-6 di Asia Tenggara yang mendapat Akreditasi AACSB.

Proses akreditasi melibatkan kajian dalaman yang ketat, penilaian, pelarasan dan mengambil tempoh beberapa tahun untuk memenuhi 21 standard yang ditetapkan oleh AACSB International. Semua sekolah perniagaan yang diiktiraf mesti melalui proses *Peer Review* setiap lima tahun untuk mengekalkan akreditasi mereka.

Naib Canselor UPM, Dato' Ir. Dr. Radin Umar Radin Sohadi berkata kejayaan UPM menuntut banyak penilaian, dedikasi dan keazaman untuk mendapat akreditasi AACSB.

"Saya ucapkan tahniah kepada pihak pengurusan serta tenaga pengajar dan sokongan Putra Business School dan Fakulti Ekonomi dan Pengurusan serta sokongan yang kuat daripada Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.

"Melalui akreditasi ini, UPM bukan sahaja memenuhi standard tertentu kecemerlangan, tetapi telah meningkatkan komitmen berterusan untuk memberikan pendidikan lestari yang berkualiti tinggi kepada pelajar," katanya.

Beliau berkata kriteria yang diaudit oleh AACSB Fakulti Ekonomi dan Pengurusan dan Putra Business School ialah seperti berikut:

- Aktiviti pengajaran yang berkualiti
- Penetapan standard yang mencabar tetapi realistik, membimbing peningkatan dalam program pendidikan, dan memberi cabaran kepada pendidik untuk melakukan penambahbaikan berterusan
- Kualiti akademik hasil daripada ahli fakulti yang berkomunikasi dengan para pelajar dalam satu program sistematik yang disokong oleh institusi
- Kualiti pendidikan sedia ada dalam institusi

Dengan pengiktirafan ini, UPM menyertai kelompok elit sekolah perniagaan terbaik di dunia yang mendapat akreditasi AACSB iaitu The London Business School, INSEAD, University of Pennsylvania, Harvard University, Yale University, Columbia University, EDHEC Business School, Warwick Business School dan University of Toronto.